

## Privacy Policy

**DAIKIN MALAYSIA SDN. BHD.** mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”) yang mula beroperasi pada bulan November 2013 berkenaan dengan pengumpulan dan pemprosesan maklumat peribadi pelanggan dan rakan kongsi perniagaan.

“Maklumat peribadi” merujuk kepada apa-apa maklumat yang anda berikan secara sukarela, yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada anda yang telah diberikan kepada kami, seperti nama, nombor pendaftaran syarikat atau kad pengenalan, alamat, pekerjaan, jantina, nombor telefon, alamat e-mel, ‘website cookies’ atau yang berkaitan dan termasuk apa jua maklumat yang boleh digunakan untuk membezakan, mengenal pasti atau menghubungi anda.

Ini bermakna ketika proses urusan perniagaan kami dengan pelanggan atau rakan perniagaan, kami boleh secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga, memperoleh dan, jika berkaitan mendedahkan, apa-apa maklumat peribadi termasuk butiran lanjut, maklumat latar belakang dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan transaksi untuk membolehkan kami menjalankan kewajipan kami.

Maklumat peribadi anda yang disimpan di dalam salinan digital atau dokumen di pejabat-pejabat kami, atau pelayan komputer atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terletak di Malaysia atau di luar Malaysia, maklumat peribadi itu boleh diproses di dalam atau di luar Malaysia.

### **Kami boleh juga mendedahkan maklumat peribadi: –**

- jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau mana-mana garis panduan atau kod kerajaan;
- untuk mematuhi kehendak mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang;
- melindungi dan mempertahankan hak-hak kumpulan syarikat Daikin;
- syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai agen, kontraktor, pembekal perkhidmatan kami dan/atau penasihat profesional;
- syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami dalam pemprosesan dan/atau sebaliknya memenuhi transaksi yang anda minta; atau
- perniagaan kami dan pihak-pihak lain untuk tujuan yang berkaitan dengan tujuan pengumpulan maklumat peribadi anda.

tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang berkenaan kepada kami.

Dimana ditunjukkan (misalnya dalam borang pendaftaran), ia adalah wajib untuk memberikan maklumat peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami memproses permohonan anda bagi produk dan/atau perkhidmatan kami. Sekiranya anda menolak untuk memberikan maklumat peribadi yang wajib itu, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda atau menyediakan anda dengan perkhidmatan atau produk kami.

**Anda bertanggungjawab** untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda adalah tepat dan sekiranya berlaku apa-apa perubahan kepada Maklumat Peribadi, anda bertanggungjawab untuk mengemaskini kami dalam perubahan tersebut.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai penggunaan data peribadi anda dengan kami, atau anda ingin memberitahu kami mengenai perubahan terhadap data peribadi anda yang dipegang oleh kami, anda boleh memberitahu kami secara bertulis melalui alamat di bawah atau hubungi Pegawai Pematuhan Data Peribadi kami.

**Pegawai Pematuhan Data Peribadi**

Daikin Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 60334, Persiaran Bukit Rahman Putra 3,

Taman Perindustrian Bukit Rahman Putra,

47000 Sungai Buloh, Selangor.

No. Telefon: +603-6145 8600

No Faks: +603-6141 2286